

UPM harus berusaha perkasakan buku Melayu

APAKAH sebenarnya yang cuba dibuktikan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam menentang bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar?

Dalam kemelut bangsa Melayu mengangakat identiti bahasanya sendiri, jalannya kelihatan berliku-liku dan sukar dengan keadaan baru ini.

Setakat ini antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Tetapi, keadaan di UIAM agak berbeza dan bukanlah isu besar untuk dibawa ke tengah masyarakat umum.

Hala tuju UPM perlu diperjelaskan lagi. Jika kerana ingin mengangakat nilai UPM sebagai antara IPTA yang dihormati antarabangsa melalui penggunaan bahasa Inggeris, universiti ini masih mampu melaksanakan kegiatan bersifat seminar, pembentangan kertas kerja atau seumpamanya tanpa perlu mengalihkan kedudukan bahasa Melayu.

Misalnya, syarahan awam bertajuk 'Science & Our Future' disampaikan oleh Nobel Laureate Prof Dr Richard R Ernst pada 20 Julai lalu di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM.

Apa yang perlu dikorbankan dengan adanya syarahan sedemikian meskipun ia diadakan secara kerap? Perlukah bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dialihkan daripada kedudukannya?

UPM perlu mempertahankan apa yang

SURAT & EMEL

► Pengarang (Harian Pembaca)
Berita Harian Sdn Bhd
31 Jalan Riong ■ Faks: 05-22822425
59100 Kuala Lumpur ■ Emel: bhsurat@bharian.com.my

Hanya surat yang disertakan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon (jika ada) saja akan dilayan.



sedia ada dan memperbaikinya meskipun berlaku persaingan antara satu sama lain dalam mengangakat budaya akademik ke peringkat lebih tinggi.

Masalah yang berlaku hari ini tidak dapat di selindung apabila mengatakan penggunaan bahasa Inggeris bagi kursus Sains, Teknologi dan Matematik kerana isu ini sudah terlepas ke pengetahuan umum selama beberapa hari sehingga kerajaan melalui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terpaksa mengeluarkan kenyataan bagi memperkukuhkan dasar kerajaan dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Lebih menghairankan apabila Persatuan Linguistik dan Pendidikan UPM melihat bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti itu adalah tidak munasabah dan boleh membunuh bahasa Melayu. Seolah-olah apa yang kita ada hari ini adalah pertentangan pro dan kontra bahasa antara dua pihak.

Istilah 'membunuh' bahasa yang diguna

pakai oleh Dr Awang Sariyan mungkin menandakan betapa seriusnya keadaan itu dalam dunia universiti hari ini. Dunia akademik berhadapan dengan kekurangan bahan pengajian tinggi dalam bahasa tempatan dan sebahagiannya jauh ketinggalan dan perlu disemak bagi memastikan pelajar memperoleh maklumat bersifat semasa dan kompetitif dengan keadaan pendidikan luar negara. Apakah peranan UPM dalam mengimbangi keadaan ini?

Dalam hal yang sama, penulis turut ingin mengaitkan dengan keadaan pakar tempatan yang berkhidmat di luar negara. Isu ini tidak sekadar membabitkan graduan Malaysia yang belajar di luar negara kemudian terus berkhidmat di sana, tetapi perkembangan ini turut berkait rapat dengan graduan tempatan yang tidak berminat menyumbang kepada negara.

Hakikat ini perlu dikaji oleh semua universiti tempatan termasuk UPM dalam memberi saranan yang boleh mengikat mereka untuk setia mencurahkan kepakaran sejurus selepas menamatkan pengajian.

Mungkin selepas ini ahli akademik, pelajar universiti dan masyarakat perlu menyelak kembali satu demi satu helaian buku *Imbasan* oleh Datuk Hassan Ahmad, semoga kita dapat belajar bagaimana rasa cinta bahasa dan perjuangan bijak pandai bangsa dunia lain untuk memartabatkannya.

ZAMRI MOHAMAD,
Melaka.